

5) DANA BANTUAN STRATA

Adun : Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Sila senaraikan projek-projek perumahan yang telah disenarai pendek untuk Dana Bantuan Strata bagi 2026.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dana Strata Selangor (DSS) telah dilancarkan pada 30 Mei 2025 dan selepas 5 bulan insentif DSS dilancarkan sebanyak permohonan **16 projek melibatkan 13,266 unit** telah diterima oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak **3 projek melibatkan 730 unit** telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Taskforce Dana Strata Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor bagi tujuan penyelesaian isu hakmilik strata dengan peruntukan dana sebanyak **RM2.116 juta**.

Seterusnya, bagi tahun 2026, sehingga kini sebanyak **7 projek melibatkan 4,759 unit** telah disenarai pendek untuk diselesaikan dan jumlah ini meningkat dari masa ke semasa bergantung kepada permohonan. Perincian 7 projek tersebut adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PROJEK	MUKIM / DAERAH	BIL. UNIT
1.	Apartment Taman Medan Jaya (Kos Rendah)	Petaling / Petaling	400
2.	Apartment Taman Medan Jaya (Kos Sederhana Rendah)	Petaling / Petaling	730
3.	Pangsapuri Seri Nilam (Kos Rendah)	Ampang / Hulu Langat	1,930
4.	Pangsapuri Sri Bayu, Taman Kemacahaya (Kos Rendah)	Hulu Langat / Hulu Langat	220
5.	Pangsapuri Blok Jasmine, Taman Sentosa (Kos Sederhana Rendah)	Dengkil / Sepang	90
6.	Pangsapuri Seri Kembangan (Kos Sederhana Rendah)	Serendah / Hulu Selangor	680
7.	Pangsapuri Seri Bakawali (Kos Sederhana Rendah)	Serendah / Hulu Selangor	709
JUMLAH KESELURUHAN			4,759